



09 JUL, 2022

## Malaysia, Turkiye segerakan penyiapan rundingan perluasan MTFTA

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### Malaysia, Turkiye segerakan penyiapan rundingan perluasan MTFTA

**KUALA LUMPUR:** Malaysia dan Turkiye komited untuk terus mempercepatkan penyiapan rundingan mengenai perluasan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turkiye (MTFTA), kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

MITI berkata, ia turut merangkumi komitmen untuk konsesi berkenaan perdagangan dalam perkhidmatan, e-dagang dan pelaburah.

"Ini adalah kemuncak hasil mesyuarat dua hala antara Menteri Kanan MITI Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Perdagangan Turkiye Mehmet Mus di Istanbul, semalam," kata MITI dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Dalam komited untuk mempercepatkan penyelesaian rundingan, MITI berkata, kedua-dua negara mengakui bahawa perluasan seperti itu menawarkan peluang besar untuk Malaysia dan Turkiye menikmati dan mengopti-

mumkan imbangan perdagangan masing-masing.

Sehubungan itu, ia berkata, Turkiye dialu-alukan untuk menggunakan Malaysia sebagai hab bagi menembusi akses pasaran yang lebih besar ke dalam FTA terbesar dunia, seperti Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dengan negara-negara anggotanya menyumbang satu pertiga daripada populasi dunia dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global.

MITI berkata, kedua-dua negara juga bersetuju bahawa mereka harus mengoptimum dan menggunakan konsesi taraf yang disediakan di bawah MTFTA.

"Malaysia, melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), telah menawarkan unfuk memulakan kerjasama teknikal dan aktiviti pembinaan kapasiti dengan pihak berkuasa perdagangan yang berkaitan di Turkiye bagi meningkatkan lagi prestasi perdagangan,"



**SEGERAKAN PENYIAPAN RUNDINGAN...** Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob memperkenalkan rakyat Malaysia yang bersama dengan rombongan kepada Presiden Turki Recep Tayyip Erdogan di Istana Presiden, baru-baru ini. Hadir sama Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba, Menteri Luar Datuk Seri Saifuddin Abdullah dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad. Foto BERNAMA

katanya.

Ia menambah pakej MTFTA yang diperluaskan juga akan memudahkan pergerakan profesional dan pekerja mahir untuk membekalkan perkhidmatan mereka di pasaran Turkiye dan

Malaysia.

Menurut MITI, Mehmet juga telah mencadangkan untuk mengadakan mesyuarat Majlis Perdagangan Ekonomi Bersama dengan Malaysia di Turkiye menjelang suku ketiga tahun ini.

Azmin sehubungan itu menyambut baik cadangan tersebut kerana yakin pertemuan itu akan meningkatkan lagi perdagangan dua hala dan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.  
- Bernama



09 JUL, 2022

## Malaysia, Turkiye segerakan penyiapan rundingan perluasan MTFTA

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Turkiye komited untuk terus mempercepatkan penyiapan rundingan mengenai perluasan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turkiye (MTFTA), kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). MITI berkata, ia turut merangkumi komitmen untuk konsesi berkenaan perdagangan dalam perkhidmatan, e-dagang dan pelaburati."Ini adalah kemuncak hasil mesyuarat dua hala antara Menteri Kanan MITI Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Perdagangan Turkiye Mehmet Mus di Istanbul, semalam," kata MITI dalam satu kenyataan baru-baru ini.